

## ULASAN BUKU/BOOK REVIEW

*Answers To Modernism* oleh Maulana Ashraf Ali Thanvi. Diterjemah Oleh Muhammad Hasan Askari Dan Karrar Hussain. Delhi: Adam Publishers & Distributors, 1981, 120 hlm.

DIULAS OLEH <sup>1</sup>NORAKMAL AZRAF AWALUDDIN

<sup>1</sup> Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Karya asal sebenarnya dalam Bahasa Arab iaitu *al-Intibahat al-Mufeedah*. Dipermulaan buku berbahasa Inggeris ini ada menyertakan juga biografi ringkas mengenai Maulana Ashraf. Secara ringkasnya, Maulana Ashraf Ali Thanvi dilahirkan pada tahun 1863 masihi di Thana Bhawan sebuah pekan kecil di Timur Delhi, India. Mendapat pendidikan awalnya di Deoband dan mula mengajar sains Islam di Kanpur ketika usianya 20 tahun. Lebih dikenali sebagai seorang guru dan mursyid kerohanian di kawasan Asia Selatan. Adapun pada tahun 1898, Maulana bersara daripada kegiatan mengajar dan menumpukan kepada pusat kerohaniannya (*Khanqah*) yang diasaskan oleh gurunya iaitu Haji Imdadullah. Selama tempoh 25 tahun selepas itu, maulana menghabiskan masanya dengan mendalami amalan-amalan agamanya dan menulis buku dalam bahasa Urdu, Iran dan Arab. Beliau meninggal dunia pada tahun 1934 masihi. Subjek tumpuannya adalah Quran, Tasawuf, Fiqh dan Ilmu Kalam.

Buku ini secara jelas telah menyatakan tujuan ia ditulis berdasarkan pada tajuknya lagi. Iaitu jawapan kepada golongan yang dikategorikan sebagai modernis. Namun dipanjangkan huraian tujuan buku ini ditulis di bahagian *About the Author* dan juga *Foreword*. Secara ringkasnya ia adalah respons kepada sesetengah pemikir Muslim moden yang terpengaruh dengan kesan saintism abad ke-19 dan menjadi seperti lembu yang dicucuk hidung oleh penjajahan Barat (*Western Imperialism*). Kesannya, pegangan mula rapuh lagi meragukan mengenai doktrin-doktrin Islam sehingga menuntut kepada pembaharuan sehingga mengorbankan kesucian Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, buku ini memaparkan keyakinan yang umum dan prinsip asas yang mana mampu untuk menilai rupa modernis. Namun yang merisaukan penulis adalah gerakan modernis ini cuba untuk membawa fahaman baru dengan berpegang kepada *Ilm Kalam al-Jadid* atau pembaharuan ilmu kalam yang sedia ada. Ditambah,

fahaman modernisme yang memandang Syariah, al-Quran dan Hadith perlu dimodifikasikan semula dalam lingkungan pengkajian saintifik yang baru.

Penulis mengajarkan beberapa metodologi yang baik untuk digunakan sekiranya ada terdapat keraguan dalam hal ini sebagai panduan. Antaranya, perlu merujuk kepada ulama muktabar dan tidak membuat sebarang andaian sendiri. Jika masih terdapat ketidakfahaman, apa yang wajar dilakukan adalah yakin dan ikutlah ulama yang mana mereka lebih alim dan hebat dalam bidang ini. Jangan menyangka bahawa pandangan peribadi adalah benar dan berkeras untuk tidak mahu mengikut mana-mana autoriti yang lebih alim dalam hal agama ini (1-7). Buku ini terdapat beberapa bab yang banyak iaitu sekitar 16 bab yang tidak menggunakan perkataan *chapter* tetapi *Intimation* yakni jawapan kepada kelompok modernis. Penulis memulakan kalamnya dengan terlebih dahulu membincangkan mengenai cabang-cabang falsafah di bahagian pendahuluan. Apa yang dapat difahami, penulis ingin menyatakan cabang-cabang falsafah seperti metafizik, politik, moral dan sosial ada dibincangkan dalam Syariah tetapi subjek Syariah tidak dibincangkan dalam falsafah seperti *aqidah*, *wahy*, *nubuwwah* dan *ma'ad*. Ini menunjukkan bahawa Syariah adalah sebaik-baik rujukan dalam meneruskan kelangsungan hidup di dunia sepanjang zaman yang seterusnya bekalan di akhirat nanti (9-13).

Seterusnya, penulis melanjutkan perbincangannya dengan metodologi hujah asas yang disalahgunakan oleh para modernis dalam *First Principles*. Sebelum pergi lanjut kepada isu, penulis terlebih dahulu mengetengahkan metodologi modernis yang digunakan dalam memodenkan Islam yang disangka sudah lapuk. Dengan yang demikian, kita tidak akan terkejut mengapa sesetengah daripada mereka meragui al-Quran dan Hadith, apatah lagi kata-kata Ulama Islam terdahulu. Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada ketujuh-tujuh metodologi ini, menampakkan bahawa modernis meragukan segala hal yang berkaitan dengan perkara ghaib yakni perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata kepala manusia serta tidak mampu untuk disaintifikkan oleh moden. Oleh yang demikian, modernis terus menganggapnya sebagai falasi semata-mata. Di akhir kalam bab ini, kebenaran yang dibawa akal dan Syariah tidak pernah bertentangan sama sekali kerana masing-masing datangnya dari sumber yang satu iaitu Allah tetapi jika ada pertentangan antara satu dengan yang lain, maka sebagai umat Islam yang beriman kepada Tuhannya, maka perlu kembali kepada firman-firman Allah dan sabda Rasul-Nya (14-34).

Dalam *Intimation* pertama, penulis menghuraikan mengenai pegangan para modernis yang mengatakan bahawa benda sifatnya adalah abadi dan juga *potential existence* sebagaimana Tuhan. Ini adalah kerana menurut mereka, adalah mustahil Tuhan wujud tanpa ada benda di sisi-Nya, maka benda juga turut abadi (*eternal*). Penulis mengandaikan ini adalah ketaksuban sains yang diimani oleh para modernis. Penulis, memberi analogi air adalah benda (*matter*)

dan cawan adalah bentuk (*form*). Air akan mengikut bentuk cawan apabila ia dituang. Maka jika kita cakap bahawa benda (air) tadi adalah abadi adalah mustahil kerana sifat abadi adalah tidak berubah. Tetapi air (benda) berubah apabila dituang ke dalam cawan (bentuk). Maka dengan yang demikian sifatnya adalah sementara yang boleh berubah dengan situasi yang mendatang. Oleh itu keyakinan yang menyatakan bahawa benda adalah abadi adalah palsu dan tidak benar. Persoalan bagaimana sesuatu itu wujud dari tidak ada kepada ada, adalah sesuatu yang tidak mungkin tetapi tidak mustahil untuk berlaku kerana semuanya dalam lingkungan ilmu Allah. Sesuatu yang tidak mungkin (*improbable*) bukan sesuatu yang tidak boleh dicapai (*incapable*) untuk dijadikan kewujudannya. Sebagaimana yang difirmankan Allah: "*Allah Pencipta langit dan bumi, dan bila Dia berkehendak (untuk menciptakan) sesuatu, maka (cukuplah) Dia hanya mengatakan kepadanya: "Jadilah!" Lalu jadilah ia*". (al-Baqarah: 2) (35-41).

Dalam *Intimation* kedua, berkaitan Tuhan Maha Kuasa yang diterangkan dalam lingkungan saintifik. Mereka (modernis) mengatakan bahawa segala yang berjalan di muka bumi bergerak dengan sendiri dan sentiasa mengikut tabii. Mereka ini sangat menolak satu kejadian yang '*miracle*' atau mukjizat termasuk yang berada dalam al-Quran dan Hadith kerana salah penafsiran ulama terdahulu. Penulis menjawab, mukjizat ini adalah kemungkinan dan ia bukan selalu berlaku tetapi jika kemungkinan ini disertakan dengan al-Quran dan Hadith, maka ia sudah cukup menjadi hujah yang kuat untuk diimani. Secara logiknyanya, di musim hujan, pastinya hujan akan menimpa bumi dengan hujan yang banyak kerana ia adalah musim hujan dan ini adalah proses semula jadi (*sunnah*). Tetapi jika berlaku di musim hujan tetapi tidak ada hujan yang menimpa. Seharusnya ia tidak dipandang sebagai menentang proses semula jadi tersebut tetapi ia adalah fenomena yang berbeza dalam proses semula jadi tersebut. Maka fenomena ini pastinya dimanipulasikan oleh Tuhan yang selaras dengan kehendak-Nya. Bahkan kata-kata yang berpendapat ia mengganggu sistem adalah tidak benar tetapi ia lebih mengharmonikan sistem semula jadi tersebut (42-47).

Seterusnya dalam *Intimation ketiga*, berkaitan dengan kerasulan. Apa yang diragui adalah wahyu kerana mereka tidak mempercayai malaikat dan mukjizat bukan tanda bahawa itu adalah Rasul Allah yang diutuskan. Mengenai mukjizat, sememangnya sukar untuk dibuktikan secara saintifik tetapi sebagai umat Islam, Allah bukan sahaja mampu mengadakan sebab dan akibat tetapi juga mampu untuk mengadakan akibat tanpa sebab. Dalam sejarah kerasulan, terdapat dua keadaan umat manusia iaitu umat bijaksana yang boleh menganggap ajaran dan moral yang baik sebagai tanda kerasulan. Kedua, umat yang jahil dalam menilai dari sudut ajaran dan moral adalah tanda kerasulan. Oleh yang demikian, Allah menciptakan satu mod yang mampu menjana pemikiran bahawa itu adalah tanda kerasulan iaitu mukjizat dan tidak keliru dengan tukang sihir. Hasil daripada penolakan kepada kerasulan, maka ada suara yang berkehendakkan Syariah

disemak semula berlandaskan keadaan moden sekarang. Penulis mengatakan jika seseorang mengakui Raja George V (Tuhan) adalah pemerintah India tetapi dia menafikan wakil Raja (Rasul) di India, apakah perbuatannya itu boleh dimaafkan oleh Raja (Tuhan)? (48-58)

Seterusnya, dalam *Intimation* keempat berkaitan al-Quran, modernis menyangka hanya al-Quran sahaja sumber Syariah. Penulis membalas, siapa yang boleh mencari ayat dalam al-Quran yang menerangkan bilangan rakaat solat dan bahagian zakat? Seterusnya menyangka al-Quran adalah kitab saintifik semata-mata. Lalu penulis menjawab al-Quran adalah kitab penyakit hati yang mana dalam menyembuhkan hati ia berurusan dengan segala aspek kehidupan manusia termasuk sains. Seterusnya merapatkan hubungan dengan Allah (59-67). *Intimation* kelima pula, berkaitan Hadith, modernis berpendapat ia adalah tradisi Islam dan tidak autentik di samping metodologi penyampaian hadith (*sanad*) sekadar oral. Penulis menegaskan kenyataan metodologi hafalan yang digunakan oleh ulama hadith yang dikatakan tidak logik adalah kerana modernis menyamakan taraf mereka yang kurang memori, kurang soleh dan banyak kekurangan dengan taraf seorang perawi hadith. Mengapa hadith tidak ditulis semasa zaman Nabi, kerana ditakuti bercampur dengan ayat-ayat al-Quran yang ditulis di pelbagai wadah. Namun, apabila ayat al-Quran telah dikumpulkan menjadi kitab yang lengkap, barulah penulisan Hadith dipergiatkan dalam Islam (60-67).

Manakala *Intimation* keenam dan ketujuh adalah penolakan modernis terhadap Ijma' dan Qiyas. Penulis sudah menjangka penolakan ini akan berlaku, kerana Ijma' dan Qiyas adalah kata-kata para ulama' sahaja bukan Tuhan dan Rasul Allah. Penulis mengatakan jika, al-Quran dan Hadith dianggap suci, mengapa Ijma' dan Qiyas yang menyokong hujah kedua-dua kitab suci ini tidak dianggap suci? Penulis menegaskan tidak akan ada percanggahan antara al-Quran dan Hadith dengan Ijma' dan Qiyas ini adalah kerana segala yang direncanakan dalam Ijma' dan Qiyas adalah apa yang ada dalam kedua-dua kitab tersebut ataupun ia menyokong apa yang ada di dalam kedua-dua kitab tersebut. Oleh yang demikian, apa yang perlu dilakukan sebelum melihat Ijma' dan Qiyas terlebih dahulu melihat al-Quran dan Hadith. Jika tiada kesalahan pada al-Quran dan Hadith maka tiada kesalahan juga pada Ijma' dan Qiyas. (76-86).

Seterusnya, dari *Intimation* kelapan sehingga *Intimation* kesepuluh perkara yang dibincangkan adalah sama iaitu berkaitan dengan alam ghaib. Kaum modernis sangat menolak entiti yang tidak wujud dengan mata kasar dan juga alam ghaib seperti malaikat, jin, syurga, neraka, titian sirat dan banyak lagi. Penulis membawakan contoh, ahli falsafah Greek mempercayai bahawa unsur benda sebelum dimanifestasikan ia berada di alam halus yang dianggap sebagai samar-samar. Ia tidak boleh ditanggapi dengan pancaindera tetapi sekadar

imaginasi. Tetapi, masyarakat Greek sukar untuk mempercayainya kerana tiada pernyataan yang kuat menyokong alam halus ini, Begitu juga yang berlaku terhadap kaum modernis yang mana mereka sepatutnya menerima kewujudan ghaib sebagai rasional yang berkemungkinan walaupun ia tidak rasional yang pasti. Tetapi harus diingat, terdapatnya kenyataan kuat daripada al-Quran dan Hadith yang membenarkan kewujudan makhluk-makhluk ini. Maka ia wajib diterima dengan menjadi rasional yang pasti (88-100).

Dalam *Intimation* kesebelas, modernis menolak konsep taqdir yang mengatakan menyekat kebebasan manusia dan dalam pada masa yang sama turut memberi impak negatif. Penulis membantah dengan mengatakan Syariah sentiasa mengajak dan mengajar manusia untuk terus berusaha dan bekerja bagi menjamin kelangsungan hidup mereka di dunia. Di samping itu juga, penulis menyanggah pendapat modernis yang menyatakan bahawa dengan mempercayai taqdir membuatkan seseorang itu hanya duduk dan menerima apa sahaja yang dilakukan oleh Tuhan sama ada baik atau buruk. Jika begitulah realiti taqdir Tuhan, pasti sahabat Nabi adalah orang yang paling malas di antara umat Muslim sekalian. Sudah diketahui bahawa sahabat adalah orang yang sangat bergantung dengan taqdir Ilahi sehinggakan mereka ini sanggup pergi ke medan peperangan sedangkan mereka tahu ia akan membunuh mereka. Ini adalah kerana matlamat mereka adalah untuk menyerah diri kepada Allah. Sebagaimana yang Allah firmankan: “*Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah beserta orang-orang yang sabar*” (al-Baqarah: 249) (101-105).

Dalam *Intimation* kedua belas, penulis memaparkan sikap modernis yang cuba untuk merasionalkan rukun-rukun dan ibadat dalam Islam. Penulis menyanggah dengan membawa analogi ini, seseorang rakyat yang sibuk menyelidiki rasional sesuatu undang-undang tetapi dalam pada masa yang sama tidak mematuhi undang-undang tersebut, maka dia akan didakwa sebagai penjenayah. Begitu juga orang gaji yang tidak tahu mengapa undang-undang pekerjaan dilaksanakan dan ia seperti sudah tersusun. Maka sebagai seorang pekerja, maka wajar untuk dia melaksanakan semua perintah itu kerana yang hanya mengetahui semua rahsia itu adalah majikan. Begitu juga hubungannya dengan hamba dan Allah. Bukan bermaksud sesuatu perintah itu tidak dirasionalkan bermakna ia tidak rasional untuk dilaksanakan (106-110). Seterusnya dalam *Intimation* ketiga belas dan keempat belas, ia berkaitan dengan mualamat, politik dan adat. Modernis menyangka ia adalah urusan duniawi dan bukan urusan agama. Penulis menjawab, riba dan adat berpakaian adalah sesuatu yang telah diharamkan secara qatie dalam al-Quran dan Hadith yang mana pengamalan riba adalah dosa dan pengingkaran riba adalah pahala. Oleh yang demikian, jika sudah membabitkan dosa dan pahala, apa mungkin ia masih lagi bukan urusan agama? (111-116).

Manakala *Intimation* kelima belas, bagaimana nilai-nilai yang baik sudah bercampur dengan lawannya dan terus dicampuradukkan sehingga mereka tidak mampu untuk menimbang yang mana nilai baik dan buruk. Seperti, maruah yang mempunyai kualiti mencintai sebangsa tetapi digunakan dengan mengamalkan rasis dan peperangan sehingga tidak mampu membezakan baik dan jahat. Di samping sifat-sifat negatif yang lain. Penulis menawarkan sesiapa yang mahu belajar mengenai moral lebih baik mempelajarinya dari buku-buku Imam al-Ghazali (117-118). *Intimation* keenam belas, penulis menyenaraikan kesalahan modernis dalam menggunakan hujah rasional dengan menganggap akal adalah sumber utama, tidak disertakan dengan hujah, hukum agama dirasionalkan tanpa batasan, merasionalkan sesuatu yang bukan untuk dirasionalkan, menganggap perkara tidak mustahil (*improbable*) adalah sesuatu yang tidak mungkin (*impossible*) dan sesuatu yang semula jadi dan rasional itu sama (119).

Karya berjumlah 120 helaian muka surat ini sememangnya mampu memberi jawapan yang ringkas, tetapi baik kepada masyarakat Islam dalam mendepani isu-isu yang diketengahkan oleh golongan modernis Islam. Sebagaimana yang diketahui, Maulana membesar pada zaman modernis sedang berkembang di kawasan India dan sekitarnya. Beliau melihat dan juga mendepani zaman ini dengan pengalaman beliau sendiri. Manakala isi-isi yang diketengahkan oleh penulis tidak meleret sehingga menyimpang dari tujuan asal buku ini ditulis. Iaitu hanya sekadar pendapat modernis mengenai sesuatu isu, lalu dijawab dengan serta-merta. Tidak langsung menerbitkan sesuatu yang lain yang mana tidak penting dalam penulisan. Ini diingatkan sendiri oleh penulis di permulaan penulisan. Perkara yang tidak penting tidak akan ditulis walaupun ada kaitannya kerana ia akan menjadikan buku ini panjang dengan bukan isu.

Berdasarkan metodologi penulisan karya ini menjadikannya tidak sukar untuk difahami. Namun, apa yang menjadikan buku ini seolah-olah berada di awang-awangan adalah penulis tidak langsung menyebut sebarang nama tokoh atau kumpulan yang terlibat dengan gerakan modernisme. Hanya mengatakan “mereka” yakni merujuk kepada golongan modernisme. Menjadikan penulisan ini menyerang secara sembarangan kerana tiada penumpuan kepada mana-mana kumpulan atau individu. Perkara kedua pula adalah kebanyakan hujah yang dikemukakan oleh penulis banyak yang diakhiri dengan pernyataan untuk kembali kepada al-Quran dan Hadith yang ditujukan kepada modernis. Dalam pada masa yang sama penulis juga tahu kaum modernis sememangnya meragui al-Quran dan Hadith. Maka yang disarankan adalah hujahan logik seharusnya lebih kuat dan mantap. Seolah-olah hujah logik yang dikemukakan itu tidak kuat sehingga menyerah dengan kembali kepada al-Quran dan Hadith.

Perkara yang ketiga adalah tiada disertakan sebarang rujukan di akhir penulisan. Berkemungkinan karya ini sekadar pendapat Maulana Ali kepada golongan modernis. Sekadar ada beberapa ayat al-Quran dan sepotong hadith

yang tidak disertakan dengan pengkaedahan yang lebih ilmiah. Sekadar hanya menyokong pandangan yang diluahkan oleh penulis. Adapun isi kandungan buku ini sangat baik sebagai asas penghujahan yang ringkas dalam mendepani golongan ini. Di samping itu, tidak wajar hanya bergantung dengan karya ini sahaja tanpa perlu merujuk karya-karya lain. Secara jujurnya, buku ini mencapai objektifnya untuk menyangkal hujahan modernisme: dengan disertakan hujah dan jawapan bersifat logik, tetapi masih tidak memadai. Secara kesimpulannya, penulis berjaya menyediakan dua jawapan terhadap golongan modernisme iaitu sama ada hujahan logik dan kembali bersandar kepada sumber-sumber syariah Islam yang baik.